

17 DEC 1997

Negara-Bahas

PROGRAM BERKEMBAR UNIVERSITI TEMPATAN MAMPU ATASI KRISIS MATAWANG

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Dewan Negara hari ini diberitahu bahawa program berkembar dan francais antara universiti tempatan dengan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan dapat membantu negara mengatasi krisis matawang.

Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman berkata universiti tempatan berupaya mengadakan program itu kerana kurikulumnya setanding dengan universiti luar negara.

Program sedemikian juga akan membolehkan pelajar yang gagal mendapatkan tempat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melanjutkan pelajaran dalam negara, katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 1997 (pindaan) hari ini.

Beliau berkata program itu tidak melibatkan kos yang tinggi.

Katanya program itu terutama francais boleh dijalankan di kawasan pantai timur kerana banyak IPTS di sana yang sanggup menjalankan program berkenaan setelah banyak IPTA bertumpu di pantai barat.

Beliau berkata pengajian Islam juga boleh dijalankan dalam negara tanpa perlu ke Asia Barat memandangkan kurikulum pengajian itu di universiti tempatan diakui kemampuannya di luar negara.

Senator Kamalia Ibrahim pula berkata kerajaan perlu menimbangkan pengecualian cukai terhadap ibubapa yang menghantar anak mereka mengikuti pelajaran di luar negara bagi kursus yang tiada dalam negara.

Beliau berkata ia perlu kerana negara memerlukan mereka yang berpendidikan tinggi daripada pelbagai aspek dan tidak hanya pada apa yang ditawarkan dalam negara sahaja.

Bagaimanapun beliau berkata pengecualian itu bergantung kepada pendapatan mereka.

Senator Datuk Dr T. Marimuthu pula meminta Kementerian Pendidikan menyediakan segala kemudahan infrastruktur di IPTA bagi memastikan ia sesuai dan mampu menampung jumlah pelajar yang dijangka meningkat.

Ia perlu bagi memastikan kualiti dan proses pembelajaran dalam negara dikawal dengan bijak, katanya.

Anggota Dewan Negara sebelum itu menyatakan sokongan sebulat suara terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyokong penuh di atas segala tindakan yang dilakukan bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan martabat sebagai sebuah negara merdeka.

Persidangan disambung esok. -- BERNAMA

NHD AKD